

SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 25 JULAI 2017
SOALAN : 10

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

nyatakan kesudian Kerajaan untuk membuat perubahan dalam memerangi kanser memandangkan Malaysia telah menjadi 'signatory' kepada '2017 World Health Assembly Cancer Resolution: From Global Commitment to National Action'. Adakah ini bermaksud bahawa National Cancer Control Plan dan Tobacco Control Act akan diubahsuaikan.

Tuan Yang Di Pertua,

Penguatkuasaan dan pengawalan hasil tembakau ketika ini adalah di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, Akta Makanan 1983. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah untuk mengangkat taraf peraturan ini menjadi Akta Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok. Kabinet telah mengarahkan agar Akta ini dibangunkan dalam tempoh dua tahun menerusi mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2016. Akta baru ini dapat meningkatkan mutu kawalan hasil tembakau dan merokok demi untuk meningkatkan taraf

kesihatan rakyat dan mengurangkan penyakit akibat merokok seperti kanser selaras dengan objektif World Health Assembly Cancer Resolution.

Tuan Yang Dipertua,

Pelan Tindakan Kanser Kebangsaan adalah merupakan satu dokumen panduan yang amat penting bagi menangani penyakit kanser di Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan telah pun menyediakan Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Program Kawalan Kanser atau, dengan izin, *National Strategic Plan for Cancer Control Programme (NSPCCP) 2016-2020* yang merupakan *updates* terhadap pelan tindakan sebelum ini, iaitu, *National Cancer Control Blueprint 2008-2015*. Pelan tindakan 2016-2020 ini merangkumi semua aspek dalam kawalan kanser iaitu pencegahan, saringan, pengesanan awal, diagnosis, rawatan, rehabilitasi, rawatan paliatif, kajian serta perubatan tradisi dan komplementari.

Tuan Yang Dipertua,

Dimaklumkan bahawa Malaysia sememangnya telah menjadi *signatory* kepada Resolusi Kanser yang diluluskan oleh *World Health Assembly* baru-baru ini. Secara umumnya, perkara-perkara yang dinyatakan dalam resolusi ini adalah agar negara-negara ahli mempertingkatkan capaian kepada semua spektrum kawalan kanser iaitu dari aspek pencegahan sehingga *survivors follow-up*, pelaksanaan rawatan berdasarkan *evidence-based protocols*, memperkukuhkan kawalan tembakau dan pelalian serta memperkukuhkan sumber termasuk sistem kesihatan. Tidak dinafikan bahawa bagi melaksanakan kawalan kanser yang berkesan ianya harus merangkumi semua spektrum yang berkaitan dan

memerlukan pendekatan hollistik serta melibatkan kerjasama antara agensi dan juga antara disiplin-disiplin dalam perkhidmatan rawatan.

Sukacita dinyatakan, strategi dan aktiviti yang dirancang di dalam Pelan Tindakan Kanser Kebangsaan 2016-2020 adalah merangkumi aspek-aspek yang dinyatakan di dalam resolusi berkenaan. Pencegahan kanser dari segi pemberian pelalian (dan amalan gaya hidup sihat) serta pengesanan awal kanser merupakan aspek-aspek yang diberi fokus utama. Namun demikian, pengurusan lanjut dari pencegahan dan pengesanan awal tetap diberi penekanan. Di samping itu, rawatan berdasarkan *evidence-based protocols* adalah perkara yang sentiasa dititik beratkan dalam aspek rawatan. *National Strategic Plan for Cancer Control Programme 2016-2020* juga memberi fokus kepada perkhidmatan psikososial pesakit serta mempertingkatkan perkhidmatan paliatif. Selain itu, kajian-kajian berkaitan kanser dan strategi untuk mempertingkatkan tenaga kepakaran juga dinyatakan dalam pelan tindakan ini.

Tuan Yang Dipertua.

Memandangkan, perkara-perkara dinyatakan dalam Resolusi Kanser yang diluluskan oleh *World Health Assembly* telah terdapat di dalam *National Strategic Plan for Cancer Control Programme 2016-2020*, justeru itu, kerajaan tidak berhasrat untuk mengubahsuai pelan tindakan yang sedia ada dalam masa terdekat. Walaubagaimanapun, semakan dan *updates* terhadap pelaksanaan ini akan sentiasa dilakukan, oleh yang demikian, ubahsuai boleh dilakukan sekiranya perlu.